

## PEMBAURAN DAN REALITI TUBUH KRISTUS

Mesej Empat

### **Pembauran dan Realiti Tubuh Kristus**

Bacaan Bible: 1 Kor. 1:2; 10:17a; 12:12-13, 24, 27;  
Yoh. 12:24; Flp. 3:10; Ef. 4:20-21

#### **I. “Tuhan telah membaurkan tubuh bersama”—1 Kor. 12:24:**

- A. Pembauran bukan sahaja tinggi dan mendalam, malah juga amat penuh misteri —ay. 24.
- B. Perkataan *membaurkan* bermaksud “membetulkan”, “mengharmonikan”, “melarasakan”, dan “menyebatikan”, mengimplikasikan kehilangan ciri-ciri yang membezakan.
- C. Pembauran bermaksud bahawa kita harus sentiasa berhenti untuk bersekutu dengan orang lain—Kis. 2:42; 1 Kor. 1:9; 1 Yoh. 1:3, 7.
- D. Kita tidak harus melakukan apa-apa tanpa bersekutu dengan pekudus lain yang berkoordinasi dengan kita, kerana persekutuan membetulkan kita, mengharmonikan kita, melaraskan kita, dan menyebatikan kita—ay. 7.
- E. Dibaurkan bererti bahawa kita disentuh oleh orang lain dan kita menyentuh orang lain dengan menerusi salib, melakukan hal melalui Roh itu, dan melakukan setiap hal untuk mendispenskan Kristus demi Tubuh-Nya—Mat. 10:38; 16:24; Gal. 3:2, 5; Ef. 4:12.
- F. Pembauran bukanlah pergaulan sosial, tetapi pembauran Kristus yang dialami, dinikmati, dan diambil bahagian oleh anggota-anggota individu, gereja-gereja di suatu daerah, para rakan sekerja, dan para penatua—bd. Roma 16:1-16.
- G. Untuk memelihara kesatuan unik Tubuh Kristus yang universal, kita harus dibaurkan bersama—1 Kor. 12:24.
- H. Pembauran diperlukan untuk pembinaan Tubuh Kristus—Roma 16:1-16; 1 Kor. 12:20-21, 24; Kol. 4:16.

#### **II. Yohanes 12:24 dan 1 Korintus 10:17a menggambarkan dan mewahikan keperluan dan makna pembauran:**

- A. Yohanes 12:24 memperkatakan sebiji gandum yang jatuh ke dalam tanah dan mati lalu menghasilkan banyak biji:
  1. *Biji gandum itu* merujuk kepada Kristus sebagai benih divin untuk menghasilkan banyak biji (orang yang menerima-Nya) agar mereka menjadi banyak anggota-Nya yang mengkonstitusikan Tubuh organik-Nya—Ef. 1:22- 23; 5:30.
  2. Kristus sebagai biji gandum ini mati dan menghasilkan banyak biji dalam kebangkitan—Yoh. 12:24:
    - a. Biji yang banyak harus dikisar dan dibaurkan menjadi tepung untuk menghasilkan satu roti, yang menandakan Tubuh Kristus—1 Kor. 10:17a.
    - b. Kita tidak harus kekal sebagai biji yang sempurna; kita harus dihancurkan dan dikisar menjadi tepung halus agar kita dapat dibaurkan dengan orang lain untuk menjadi satu roti; roti ini ialah Tubuh Kristus—12:12-13, 27; Ef. 2:16; 1:22-23.
- B. Pemikiran Paulus tentang gereja dibaurkan menjadi satu roti, satu Tubuh (1 Kor. 10:17a), diambil daripada tamsil bagi korban sajian dalam Imamat 2:1-16:
  1. Setiap bahagian tepung halus korban sajian dibaurkan dengan minyak; ini ialah pembauran—ay. 4-5.
  2. Kehidupan Kristus dan kehidupan Kristian individu kita menghasilkan satu totaliti—kehidupan gereja sebagai korban sajian korporat yang terdiri dari pada percayawan-percayawan yang telah dihancurkan, dikisarkan, dan dibaurkan—ay. 1-2, 4; 1 Kor. 12:12.

## GARIS KASAR LATIHAN

### Mesej Empat (sambungan)

#### **III. Pembauran bertujuan membawa kita semua ke dalam realiti Tubuh Kristus—Roma 12:5; 1 Kor. 12:12-13; Ef. 2:16; 4:12; Kol. 2:19:**

- A. Kita harus berada dalam gereja-gereja lokal, yang merupakan prosedur, supaya kita dibawa ke dalam realiti Tubuh Kristus—1 Kor. 1:2; 12:27.
- B. Puncak tertinggi pemulihan Tuan yang betul-betul dapat melaksanakan ekonomi Tuhan secara praktikal dan pada hakikinya bukanlah untuk Tuhan menghasilkan gereja lokal yang banyak secara fizikal tetapi untuk Tuhan menghasilkan Tubuh yang organik sebagai organisma-Nya—Ef. 1:10, 22-23.
- C. Gereja-gereja lokal bukanlah matlamat ekonomi abadi Tuhan; gereja-gereja ialah prosedur yang diambil Tuhan untuk mencapai matlamat ekonomi-Nya—pembinaan Tubuh Kristus—Mat. 16:18; Ef. 4:12, 16:
  1. Gereja-gereja ialah prosedur untuk membawa kita ke dalam Tubuh Kristus—1 Kor. 1:2; 12:12-13, 27.
  2. Gereja-gereja ialah Tubuh, tetapi gereja-gereja mungkin tidak mempunyai realiti Tubuh Kristus.
- D. Tuan amat memerlukan realiti Tubuh Kristus diekspresikan dalam gereja-gereja lokal; Tuan Yesus tidak akan kembali melainkan terdapatnya ekspresi realiti Tubuh yang cukup banyak—Ef. 1:22-23; 4:16; 5:27; Wahi 19:7.

#### **IV. Puncak tertinggi dalam ekonomi Tuhan ialah realiti Tubuh Kristus—Ef. 1:22-23; 4:16:**

- A. Makna pembauran kita ialah realiti Tubuh Kristus—1 Kor. 12:24:
  1. Realiti ini ialah sekumpulan orang yang ditebus Tuhan yang telah dijadikan Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan—Yoh. 1:12-13; Roma 8:16; 2 Ptr. 1:4.
  2. Mereka tidak menjalani kehidupan melalui diri mereka tetapi melalui hayat yang satu lagi—hayat Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi, yang masuk ke dalam mereka dan mengambil mereka sebagai tempat tinggal-Nya, tempat huni-Nya—2 Kor. 13:14; Yoh. 14:23; Ef. 2:21-22.
- B. Realiti Tubuh Kristus ialah kehidupan korporat yang dijalani para Tuhan-manusia yang telah disempurnakan; mereka merupakan manusia sejati yang tidak hidup melalui hayat mereka tetapi melalui hayat Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi; atribut Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi diekspresikan menerusi virtu-virtu mereka—2 Kor. 13:9, 11; Ef. 4:12; 1 Ptr. 5:10; 1 Yoh. 4:12, 17-18:
  1. Hayat Tuhan berserta segala atributnya dihidupkan dalam Yesus Tuhan-manusia ini dan diekspresikan sebagai virtu-virtu Tuhan-manusia ini—Ef. 4:20-21.
  2. Hayat ini pada asalnya hanya ada dalam Yesus; kini hayat ini sedang dihasilkan semula dalam percayawan yang telah ditebus dan dilahirukan, dan yang memiliki hayat divin dalam mereka—1:7; Yoh. 3:6; Kol. 3:4.
  3. Tuhan-manusia yang disempurnakan ialah orang yang matang dengan berlatih menolak diri secara berterusan dan hidup melalui satu lagi hayat—hayat kebangkitan Kristus—Yoh. 11:25.
- C. Realiti Tubuh Kristus ialah kehidupan pembauran dalam penyatuan abadi antara Tuhan-manusia tripartit yang dilahirukan, ditransform, dikonform, dan dimulikan dengan Tuhan Tritunggal dalam kebangkitan Kristus—bd. Hak. 9:9; Mzm. 92:10:

## PEMBAURAN DAN REALITI TUBUH KRISTUS

### Mesej Empat (sambungan)

1. Pembauran ini ialah kehidupan korporat yang dikonform kepada kematian Kristus dalam kudrat kebangkitan Kristus—Flp. 3:10.
2. Kehidupan pembauran sedemikian berada dalam kebangkitan Kristus, dan realiti kebangkitan ini ialah Roh itu; kebangkitan ini menyalurkan Tuhan Tritunggal yang terkonsumasi dan membebaskan hayat yang jayeng atas maut ke dalam para percayawan—Yoh. 11:25.
3. Kehidupan korporat secara pembauran ini yang dijalani Tuhan-manusia yang disempurnakan akhirnya akan berkonsumasi dalam Yerusalem Baru di langit baru dan bumi baru sebagai pertambahan dan ekspresi Tuhan hingga keabadian—Wahi 21:1-2, 9-11.
4. Kehidupan korporat Tuhan-manusia yang disempurnakan sebagai realiti Tubuh Kristus akan mengakhiri zaman ini, yakni zaman gereja, dan membawa Kristus kembali untuk memperoleh, menduduki, dan memerintah bumi ini bersama dengan Tuhan-manusia ini pada zaman kingdom—Mzm. 24:1-2, 7-10; 72:1-8, 11; Wahi 1:7; 14:14; 20:4.